



Ruj. Tuan :
 Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK: 700-7/5/1 Jld. 8 (29)
 Tarikh : 6 Mei 2014

YS Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Labuan
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya

YS Dato'/Tuan,

JANGKA HAYAT MAKSIMA ALAT PEMADAM API (APA) MUDAHALIH

Saya dengan hormatnya merujuk kepada kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Memaklumkan bahawa di dapati ada sebilangan pegawai terutama sekali Pegawai Pemeriksa APA yang masih kurang jelas berkaitan jangka hayat maksima APA terutama sekali jenis debu kering (dry powder) samada dua belas(12) atau sepuluh(10) tahun.

3. APA jenis debu kering yang digunakan sekarang terdapat dalam dua(2) warna tabung yang berbeza iaitu warna biru dan merah. Perbezaan ini dijelaskan seperti jadual dibawah:

Warna Tabung	Plawalan	Jangka Hayat Maksima
Biru	MS1179:1990	12 tahun
Merah	MS1539:Part 1:2002	10 tahun

...2/

'CEPAT DAN MESRA'



4. Perbezaan jangka hayat maksima untuk APA jenis debu kering adalah berdasarkan kepada surat Rujukan JBPM:PPP/005/38/1 bertarikh 13 Januari 2005 seperti dilampirkan.

5. Untuk makluman YS Dato'/Tuan, jangka hayat APA adalah dikira berdasarkan bulan dan tahun ianya dikeluarkan oleh pengeluar, contohnya jangka hayat APA jenis debu kering (tabung warna biru) yang dikeluarkan pada bulan Januari 2005 akan tamat tempoh pada bulan Januari 2017.

6. Pengiraan jangka hayat tabung jenis debu kering perlu diberi perhatian terutama sekali apabila ianya telah sampai tahun terakhir contohnya APA jenis debu kering (tabung warna biru) yang dikeluarkan pada bulan Januari 2002 akan tamat tempoh pada bulan Januari 2014. Bagaimanapun, Jabatan telah menetapkan bahawa jangka hayat APA yang masih berbaki minima enam bulan(6) masih boleh didaftarkan dan diberi kelulusan seperti jadual di bawah:

Bil	Tarikh Pemeriksaan	Bulan & Tahun APA Dikeluarkan	Jangka Hayat Berakhir	Catatan
1.	Mei 2014	November 2002	November 2014	Boleh diluluskan kerana jangka hayat APA masih berbaki enam(6) bulan.
2.	Mei 2014	Oktober 2002	Oktober 2014	Tidak boleh diluluskan kerana jangka hayat APA berbaki kurang daripada enam(6) bulan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"1 Malaysia" Rakyat Didahulukan. Pencapaian Diutamakan.

Saya yang menurut perintah,



(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

s.k.:

YAS Ketua Pengarah
YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
Headquarters,
Fire and Rescue Department, Malaysia,
Lebuh Wawasan, Precinct 7,
62250 PUTRAJAYA.

Telefon: Putrajaya : 603-88880036/39/40
Ketua Pengarah : 603-88880021
Facsimile : 603-88880842
Homepage: www.bomba.gov.my
E-mail: pr@bomba.gov.my

 KAKITANGAN BERKUALITI
PERKHIDMATAN BERKESAN

Ruj. Tuan:
(Your Ref.)

Ruj. Kami: JPBPM:PPP/005/38/1
(Our Ref.)

Tarikh: 13 Januari 2005
(Date)

SEPERTI SENARAI EDARAN

24 JAN 2005

Tuan,

PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN ALAT PEMADAM API (FIRE EXTINGUISHER) BERDASARKAN PIAWAIAN/STANDARD MALAYSIA BARU (MS 1539:PART 1:2002)

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa mulai 15 Januari 2005, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia (JBPM) akan mula menguatkuasakan penggunaan Alat Pemadam Api (Fire Extinguisher) yang diuji di SIRIM berdasarkan piawaian MS 1539:Part 1:2002, dan diluluskan oleh Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Pembangunan (PPP), Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia (JBPM).

3. Sehubungan dengan itu, semua penjualan Alat Pemadam Api (Fire Extinguisher) berdasarkan piawaian lama (MS 1179:1990) hendaklah dihentikan mulai tarikh di atas.

4. Walaubagaimanapun, penggunaan (bukan pengeluaran) Alat Pemadam Api (Fire Extinguisher) sedia ada berdasarkan piawaian MS 1179:1990 masih boleh diteruskan dan diganti dengan Alat Pemadam Api (Fire Extinguisher) jenis baru secara berperingkat-peringkat, apabila mencapai tempoh jangka hayat ditetapkan. Tempoh jangka hayat maksima bagi alat-alat pemadam api sedia ada hendaklah berdasarkan jenis-jenis tertentu, sepertimana Lampiran 1 (termasuk had ujian hidrostatik/*major overhaul*).

5. Sukacita juga dimaklumkan bahawa perbezaan ciri yang nyata bagi Alat Pemadam Api yang mematuhi piawaian MS 1539:Part 1:2002 adalah pada:

- 5.1 Warna Tabung/Silinder adalah MERAH (*signal red* berdasarkan piawaian RAL 3000).
- 5.2 Perkataan/*wording* klasifikasi (termasuk latarbelakang).
- 5.3 Tahap/saiz minima kebakaran (rating).


Lain-lain perbezaan adalah sepertimana dinyatakan dalam piawaian MS 1539:Part 1:2002.

6. Perhatian dan tindakan pihak tuan untuk mematuhi peraturan ini dan juga menyebarkannya kepada pihak-pihak berkenaan, amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAMZAH BIN ABU BAKAR)

Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia.

s.k. Y.Bhg. Ketua Setiausaha,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,

YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan),
YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi).
YS PKP Bhg Penyelidikan, Perancangan & Pembangunan,
YS PKP Bhg Penguatkuasa,
YS PKP Bhg Operasi,
YS PKP Bhg Pencegahan & Keselamatan Kebakaran,
YS PKP Bhg Latihan & PTM,
YS Pengarah JBP Negeri-Negeri,
YS Komandan, FRAM,
Pengarah Kejuruteraan,
Pengarah Pengurusan.



SENARAI EDARAN

Institution of Fire Engineers (IFE, UK) fax:03-9101 7700

The Institution of Engineers Malaysia (IEM) fax:03-7957 7678

Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM) fax:03-2095 3499

Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) fax:03-2692 8782

Malaysian Fire Protection Association (MFPA) fax:03-7804 4592

Pengeluar-Pengeluar Alat Pemadam Api (Fire Extinguisher).

LAMPIRAN 1

HAD MAJOR OVERHAUL (UJIAN HIDROSTATIK)/
JANGKA HAYAT

BIL	JENIS	HAD MAJOR OVERHAUL (HIDROSTATIK TEST)/ JANGKA HAYAT (MAKSIMA)
1	AIR	10 tahun
2	FOAM	10 tahun
3	KARBON DIOKSIDA	10 tahun
4	HALOGENATED AGENTS	12 tahun
5	DRY POWDER	12 tahun